ternampak seekor burung terperangkap di atas kawat di puncak tiang itu yang merupakan bahaya yang tidak nyata kepada seorang kanak-kanak yang sebaya dengan pihak menentang rayuan hanya kerana dia belum cukup matang untuk menyedari akan keadaan bahaya itu; sama ada perkara itu jelas atau tidak dimatanya, perkara ini terlindung dari fahamannya. Pemeriksaan keterangan yang teliti telah memuaskan hati kami bahawa pihak menentang rayuan tidak mengetahui atau tidak patut diharap untuk mengetahui tentang keadaan bahaya ini. Dia tidak pernah diberitahu ataupun diberi amaran tentang bahaya sedemikian. Dia sendiri mengatakan, apa yang benar-benar mungkin, bahawa dia tidak mengetahui apakah dia letrik; bahawa letrik itu merbahaya. Dia memikirkan yang kawat letrik itu adalah kawat untuk sesuatu tujuan. Dia tidak pernah melihat kawat seperti itu di rumahnya. Berdasarkan kepada keterangan, pada pandangan kami, adalah mustahil untuk menganggapnya berkeupayaan untuk menjaga dirinya sendiri di dalam keadaan dimana ia diletakkan seperti juga seorang kanak-kanak biasa yang sebaya dengannya. .

Kecuaian pihak merayu adalah dalam mendirikan, mengendalikan dan mengawal sebatang tiang yang amat berbahaya yang mempunyai kebolehan membunuh yang tersembunyi berdekatan benar dengan sebatang lorong berjalan kaki di mana besar kemungkinan kanak-kanak akan datang dan ketiadaan apa-apa amaran atau alat pencegah orang memanjat yang menunjukkan bahawa ada bahaya yang amat besar jika tiang itu dipanjat. Fakta bahawa pihak menentang rayuan memanjat tiang itu, satu fakta yang amat ditekankan oleh peguam pihak merayu untuk menunjukkan bahawa sebab paling berkesan kemalangan tersebut adalah perbuatan sengaja yang bodoh yang dilakukan oleh pihak menentang rayuan, dan oleh kerana itu, pecahan tugas yang telah dilakukan oleh mereka tidaklah "menyebabkan atau menyumbang secara besar terhadap kerosakannya" (oleh Lord Reid di dalam *Bonnington Castings Ltd.* v. *Warlaw*[20]), tidaklah boleh digunakan oleh pihak merayu memandangkan kepada keterangan dalam kes ini. Meletakkan tiang berbahaya tersebut di situ adalah mendedahkannya kepada risiko kecederaan. Perbuatan pihak menentang rayuan dalam memanjat tiang tersebut tidak boleh digunakan sebagai satu dalih untuk pihak merayu apabila didapati bahawa tiang itu senang disampai oleh kanak-kanak dan begitu sesuai sekali bagi mereka yang ingin untuk memanjatnya dan adalah bijak untuk meletakkan satu tanda amaran atau alat mencegah orang memanjat. Di dalam keadaan ini, jadinya, kami memetik kata-kata Denman H.B., di dalam kes *Lynch* v. *Nurdin*[21]:

> "Kelalaian orang gajinya yang patut dicela inilah yang menggoda kanak-kanak itu, jadi dia (pihak kenatuntut) tidak sepatutnya menyalahkan kanak-kanak itu kerana terpengaruh oleh godaan itu. Dialah yang menjadi sebab sebenar dan tunggal kecelakaan tersebut. Dia telah kurang menggunakan jagaan biasa; kanak-kanak tersebut, bertindak tanpa berhati-hati atau berfikir panjang walau bagaimanapun, telah menunjukkan sifat ini dengan darjah sebesar yang boleh diharapkan dari mereka. Kelakuan jahatnya tidak setimbal dengan kelakuan pihak kenatuntut yang telah menyebabkan kelakuan itu."

Adalah menjadi satu kesimpulan yang adil bahawa keadaan bahaya yang diwujudkan oleh pihak merayulah, yang tidak diketahui, mahupun dijangkakan di ketahui oleh pihak menentang rayuan, yang menyebabkan kemalangan yang menimpa dirinya. Oleh yang demikian kami berpendapat bahawa, berdasarkan fakta di dalam kes ini, pihak menentang rayuan tidak boleh didapati bersalah kerana melakukan cuai sumbangan.

Oleh yang demikian kami menolak rayuan ini dengan kos.

Rayuan ditolak.

SIVALINGAM lwn. PENDAKWA RAYA*

[Mahkamah Persekutuan (Lee Hun Hoe H.B. (Borneo), Abdul Hamid H.P. dan Abdoolcader H.) Mei 14, 1982]

[Kuala Lumpur – Mahkamah Persekutuan Rujukan Jenayah No. 4/1982]

Undang-Undang Jenayah dan Acara Jenayah – Rayuan – Kuasa Hakim rayuan mengganti tuduhan – Tuduhan asal di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan – Digantikan dengan tuduhan di bawah seksyen 409 Kanun Keseksaan Sama ada sah – Kanun Keseksaan, Seksyen 409 dan 420 – Kanun Acara Jenayah, Seksyen 158, 162, 166, 167 dan 316.

Di dalam kes ini pemohon telah dituduh di hadapan Mahkamah Sesyen untuk suatu kesalahan di bawah s. 420 Kanun Keseksaan dan didapati salah dan dihumum penjara selama setahun. Dia merayu terhadap thabitan dan hukuman. Hakim rayuan dapati bahawa satu kesalahan di bawah s. 409 Kanun Keseksaan telah dibuktikan dan beliau menggantikan tuduhan kepada suatu tuduhan di bawah s. 409 Kanun Keseksaan dan mengekalkan thabitan dan hukuman. Pemohon meminta Mahkamah Tinggi di

---

* Dialihbahasa dari [1982] 2 M.L.J. 172 oleh Puan Mimi Kamariah binti Abdul Majid LL.B. (Malaya) LL.M. (Monash), Pensyarah, Fakulti Undang-undang, Universiti Malaya.

Seremban merujukkan soalan undang-undang itu kepada Mahkamah Persekutuan tetapi telah ditolak oleh Hakim Abdul Razak. Dia membuat permohonan ke Mahkamah Persekutuan dan mengemukakan persoalan undang-undang seperti berikut –

"Bahawa apabila seorang tertuduh dithabitkan dan dihukum atas suatu kesalahan di bawah s. 420 Kanun Keseksaan dalam Mahkamah Sesyen dan kemudian merayu terhadap thabitan dan hukuman di Mahkamah Tinggi, soalan yang timbul ialah sama ada mengikut undang-undang, Hakim rayuan semasa menolak rayuan terhadap thabitan dan hukuman boleh menggantikan tuduhan berlainan di bawah s. 409 Kanun Keseksaan tanpa menghiraukan s. 158 dan s. 162 Kanun Acara Jenayah".

Diputuskan: (1) Kehendak seksyen 166 dan seksyen 167 Kanun Acara Jenayah mesti dipenuhi sebelum suatu Mahkamah Tinggi dalam menggunakan bidangkuasa rayuannya mengubah atau mengganti suatu thabitan untuk suatu kesalahan yang lain;

(2) untuk mengadakan suatu penggantian mesti ada keterangan jelas bahawa hujjah-hujjah untuk kesalahan gantian telah diadakan atau dibuktikan terhadap tertuduh dalam Mahkamah di bawah. Dengan perkataan lain sebelum sesuatu perubahan keputusan boleh diadakan Mahkamah Rayuan mesti berpuashati bahawa sekiranya tuduhan gantian telah sebenarnya menjadi tuduhan asal, tindakan dalam pembicaraan akan mengikut haluan yang sama dan keterangan yang dicatitkan adalah sama. Seterusnya sekiranya tuduhan gantian adalah satu daripada tuduhan-tuduhan yang dikenakan terhadap tertuduh atau ia adalah suatu tuduhan pilihan lain keterangan pendakwaan akan mencukupi untuk memuaskan unsur-unsur yang menjadikan tuduhan itu dan keterangan tertuduh mesti tidak berubah secara banyak, iaitu pembelaan tertuduh adalah yang sama;

(3) Hakim yang ariff telah tersilap dalam undang-undang apabila menggantikan suatu thabitan untuk tuduhan lain kerana secara jelas kes ini tidak terjatuh dalam pembatasan S. 166 dan 167 Kanun Acara Jenayah.

Kes-Kes yang dirujuk

(1) *Jaganath Misra* lwn. *Emperor* 1933 AIR Patna 26.
(2) *Ng Ee* lwn. *Public Prosecutor* [1941] M.L.J. 180.
(3) *Lew Cheok Hin* lwn. *R.* [1956] M.L.J. 131.
(4) *Yoong Hock Pin* lwn. *Public Prosecutor* [1977] 1 M.L.J. 178.

MAHKAMAH PERSEKUTUAN.

Jagjit Singh bagi pihak pemohon.

Balia Yusof, Timbalan Pendakwa Raya, bagi pihak responden.

Abdul Hamid H.P. (memberi keputusan Mahkamah):– Suatu persoalan undang-undang yang mempunyai kepentingan awam telah dirujuk untuk keputusan Mahkamah Persekutuan di bawah s. 66 Akta Mahkamah Kehakiman, 1964 dan ianya berbunyi seperti berikut:–

"Bahawa apabila seorang tertuduh dithabitkan dan dihukum atas suatu kesalahan di bawah s. 420 Kanun Keseksaan dalam Mahkamah Sesyen dan kemudian merayu terhadap thabitan dan hukuman di Mahkamah Tinggi, soalan yang timbul ialah sama ada mengikut undang-undang, Hakim rayuan semasa menolak rayuan terhadap thabitan dan hukuman boleh menggantikan tuduhan utama di bawah seksyen 420 kepada suatu tuduhan berlainan di bawah s. 409 Kanun Keseksaan tanpa menghiraukan seksyen 158 dan s. 162 Kanun Acara Jenayah."

Ini ialah suatu kes di mana pemohon telah dituduh di hadapan Mahkamah Sesyen untuk suatu kesalahan di bawah s. 420 Kanun Keseksaan dan didapati salah dan dihukum penjara selama setahun. Dia merayu terhadap thabitan dan hukuman. Hakim rayuan dapati bahawa suatu kesalahan di bawah s. 420 tidak terbukti tetapi berpuashati suatu kesalahan di bawah s. 409 telah dibuktikan. Jadi beliau menggantikan tuduhan kepada suatu di bawah s. 409 Kenun Keseksaan. Thabitan dikekalkan dan hukuman tetap terpakai.

Pemohon minta Mahkamah Tinggi di Seremban merujuk soalan undang-undang itu ke Mahkamah ini tetapi telah ditolak oleh Hakim Abdul Razak. Kami, walau bagaimanapun, telah membenarkannya.

Semasa menolak permohonan itu Hakim yang arif telah memakai kes *Jaganath Misra* lwn. *Emperor*[1] di mana kuasa itu telah dilaksanakan oleh suatu Mahkamah Sesyen di India dalam rayuan dari suatu Mahkamah Majistret. Adalah hujjah pemohon bahawa peruntukan seperti itu tidak ada di negara ini. Hakim yang arif dapati tiada nilai dalam hujjah itu dan memutuskan Mahkamah mungkin berlainan tetapi prinsip adalah sama. Memakai kes *Misra* Hakim yang arif berkata:–

"Dalam *kes Misra* duit telah diserahkan kepada si petisyen oleh A atas persetujuan orang yang terdahulu tadi menyerahkannya kepada B sebagai suatu pendahuluan kepada orang yang terkemudian tadi mengenai sekuriti cagaran yang akan dikuatkuasakan oleh B untuk A. Si petisyen menafikan telah terima apa-apa duit apalagi menyalahgunakannya. Telah dihujjahkan semasa rayuan Mahkamah Tinggi bahawa tidak ada keterangan mengenai pengamanahan dan dengan itu tidak ada kes untuk gantian (tuduhan) tetapi telah diputuskan memandangkan keputusan Presiden Mahkamah Sesyen bahawa duit dibayar kepada si petisyen dengan tujuan menggunakannya untuk cagaran, hujjah itu tiada asas. Begitu juga, dalam kes ini telah dihujjahkan suatu gantian (tuduhan) adalah paling memudaratkan tertuduh kerana tiada kes pecahamanah dan pemohon tiada peluang untuk mematahkan tuduhan baru. Tetapi dalam pandangan saya setelah mempertimbangkan fakta-fakta memang tidak boleh dikatakan bahawa pemohon dalam kes kita ini telah terjejas lebih dari si petisyen dalam kes *Misra* kerana gantian itu. Dalam kes kita juga

pemohon telah terima duit sejumlah $2,000 dari pengadu, si penyimpan, atas perjanjian oleh pemohon yang jelas dan tersirat memandangkan kedudukannya untuk menyimpannya atas amanah untuk pengadu. Sebaliknya, dia telah menyalahgunakan jumlah itu kerana hanya $1,000 telah diakui olehnya. Pemohon sekarang berada dalam kedudukan lebih teruk daripada si petisyen dalam kes *Misra* kerana walaupun dalam kes terkemudian si petisyen telah menafikan samasekali menerima duit dari pengadu, dalam kes kita pemohon telah mengaku menerima $2,000 tetapi menafikan yang ianya telah diserahkan kepadanya oleh pengadu tetapi oleh seorang lain bernama Thirumalai. Presiden Mahkamah Sesyen walau bagaimanapun dapati pemohon yang menerima. Penentuan fakta ini oleh Presiden yang arif Mahkamah Sesyen tidak pernah dicabar di hadapan saya oleh peguam untuk pemohon. Tetapi pembelaan itu sekira ianya telah diterima oleh Presiden Mahkamah Sesyen akan melepaskan tuduhan di bawah penipuan dan juga di bawah pecahamanah. Bukan terbuka kepada pemohon sekarang untuk mengatakan dia tidak diberi peluang mememui tuduhan yang baru."

Hakim yang arif kemudian memutuskan Mahkamah Tinggi, semasa melaksanakan bidang-kuasa rayuannya, diberi kuasa di bawah s. 316(b) Kanun Acara Jenayah melakukan gantian dan ini telah jelas diputuskan dalam *Ng Ee* lwn. *P.P.*[2] Kita akan meninjau keputusan dalam kes *Ng Ee* sebentar lagi. Apa yang kita hendak mempertimbangkan ialah kesan s. 316(b) Kanun Acara Jenayah terutama sekali bahagian yang kita telah condongkan yang berbunyi:–

"316. Dalam mendengar rayuan Hakim boleh, sekiranya beliau berpendapat tidak ada alasan yang mencukupi untuk campurtangan, menolak rayuan itu atau boleh –

(a)

(b) *dalam suatu rayuan dari suatu thabitan* atau dalam suatu rayuan mengenai hukuman

i) terbalikkan keputusan dan hukuman itu dan bebaskan atau lepaskan tertuduh, atau perintah ia dibicarakan semula atau dihantarbicara, atau

ii) *mengubah keputusan*, mengekalkan hukuman, atau dengan atau tanpa menukar keputusan mengurangkan atau menambahkan hukuman atau mengubah jenis hukuman;..."

Rayuan di hadapan Hakim yang arif ialah suatu rayuan dari suatu thabitan, dan nyata sekali, seperti kita boleh lihat, ada suatu peruntukan tertentu di bawah undang-undang kita yang memberi kuasa kepada seorang hakim untuk mengubah suatu keputusan. Persoalan berkenaan yang perlu diputuskan walau bagaimanapun, ialah bidang kuasa sedemikian.

Kita mula-mula rujuk kepada Mallal's Criminal Procedure Code Edisi ke 4 di muka surat 466 di mana disebut –

"Keputusan yang suatu Mahkamah rayuan boleh ubah di bawah perenggan (b) boleh berkaitan dengan suatu kesalahan dengan mana pesalah telah dituduh dalam Mahkamah di bawah atau dengan mana dia boleh dithabitkan tanpa tuduhan berlainan."

Sebabnya adalah jelas. Sekiranya sebagai contoh pesalah dituduh dalam Mahkamah bawah dengan suatu tuduhan di bawah s. 420 Kanun Keseksaan atau dengan s. 420 dan secara pilihan-lain di bawah s. 406 Kanun Keseksaan dan dithabitkan di bawah s. 420 dalam suatu rayuan terhadap thabitan itu, Mahkamah rayuan boleh, dengan syarat fakta-fakta menyokong sama ada tuduhan atau tuduhan pilihanlain, seperti mana yang berkenaan, mengubah suatu keputusan dan menggantikan dengan suatu thabitan untuk kesalahan yang lain, contohnya, dengan sesuatu di bawah s. 406 Kanun Keseksaan. Kuasa untuk mengubah berasal dari s. 167 Kanun Acara Jenayah kita yang memperuntukkan suatu thabitan untuk kesalahan yang lain seseorang dibuktikan telah melakukan walaupun dia tidak dituduh dengannya dengan syarat kes itu ialah sesuatu yang terjatuh dalam lingkungan s. 166 Kanun Acara Jenayah kita dan ada keterangan yang menyokong thabitan untuk kesalahan yang lain itu. Untuk memudahkan kita menyebutkan kedua-dua seksyen 166 dan 167 Kanun Acara Jenayah seperti berikut –

"166. Sekiranya suatu perbuatan atau siri perbuatan bersifat sedemikian sehingga ada keraguan yang mana satu daripada beberapa kesalahan yang fakta-fakta yang boleh dibuktikan akan menjadikan, tertuduh boleh dituduh dengan mana-mana kesalahan sedemikian, dan mana-mana bilangan tuduhan sedemikian boleh dibicarakan dengan serta merta, atau di boleh dituduh secara philihanlain dengan melakukan satu di antara kesalahan-kesalahan tersetbut.

167. Sekiranya dalam kes yang disebut di dalam seksyen terakhir sebelum ini tertuduh dituduh dengan satu kesalahan dan dalam keterangan ternampak dia telah melakukan serta merta, atau dia boleh dituduh secara pilihanlain dengan di bawah peruntukan seksyen itu, dia boleh dithabitkan dengan kesalahan-kesalahan yang mana dia didapati telah melakukan walaupun dia tidak dituduh dengannya."

Berkenaan dengan pemakaian s. 167 telah dikatakan dalam *Mallal's* Criminal Procedure Code Edisi ke 4 di muka surat 420 bahawa –

"Seksyen ini harus dibaca bersama dengan s. 165. Seksyen ini terpakai hanya kepada kes yang mana s. 165 terpakai. Sekiranya fakta-fakta kes tidak terjatuh di bawah s. 165, seksyen ini tidak terpakai."

Dalam konteks Kanun Acara Jenayah kita ianya bermakna seksyen 167 harus dibaca bersama dengan s. 166 dan s. 167 terpakai hanya kepada kes di mana s. 166 terpakai. Sekiranya fakta-fakta

kes tidak terjatuh di bawah s. 166, s. 167 tidak terpakai.

Perkara ini telah disebut oleh Mahkamah Tinggi di Singapura dalam kes *Lew Cheok Hin* lwn. *R.*[3] Berkenaan dengan ini adalah berguna kalau rujukan dibuat kepada satu bahagian keputusan yang telah dibentangkan dalam *Mallal's* Criminal Procedure Code di muka surat 241, yang memperuntukkan suatu contoh kes di mana seorang yang dituduh dengan suatu kesalahan boleh dithabitkan dengan yang lain –

"Ada kes-kes yang membenarkan sebahagian dalihan. Contoh termudah sekali ialah kes biasa di hadapan seorang Majistret mengenai seseorang memukul orang lain dengan sebatang kayu api dan mematahkan tangannya. Pihak polis selalunya, dan secara betul, menuduh orang itu dengan sengajanya melakukan cedera parah. Biasanya tidak ada apa-apa alasan untuk meminda di akhir kes pendakwaan. Pembelaan boleh, walau bagaimanapun, membangkitkan suatu keraguan mengenai sama ada niat adalah untuk melakukan cedera yang parah, sebagai berlainan dari cedera yang biasa. Tidak ada guna samasekali meminda tuduhan di peringkat ini. Tuduhan memberitahu pesalah apa dia perlu jawabkan dan dia telahpun menjawab nya, dengan berjaya untuk satu perkara. Bakinya yang belum dijawab, walau bagaimanapun, menjadikan suatu kesalahan yang lengkap. Kanun memperuntukkan bahawa dalam suatu kes sedemikian Mahkamah boleh terus menthabitkan dengan kesalahan yang lebih ringan tanpa proses pemindaan yang pada peringkat itu tidak berfaedah lagi kepada tertuduh. Pendekkata, tiap-tiap tuduhan suatu kesalahan yang rumit dianggap dalam undang-undang sebagai mengandungi suatu tuduhan mana-mana kesalahan lebih ringan yang dijadikan oleh sebahagian daripada butir-butir yang sama."

dan selepas itu di muka surat yang sama Hakim Taylor berkata –

"Pada sekali imbas nampaknya mengejutkan bahawa seorang pesalah boleh dithabitkan secara ringkas, tanpa pemberitahu yang jelas, atas suatu kesalahan yang agak berlainan dari mana dia telah dituduh. Seksyen ini tidak berniat seperti itu. Perkataan-perkataannya yang nampaknya umum mesti difahamkan sebagai suatu kecualian yang paling terhad sekali bidangnya, kepada kaedah umum."

Harus diperhatikan bahawa kes *Ng Ee* telah diguna oleh Hakim yang arif di dalam kes ini. Dalam kes itu Hakim Cussen memutuskan:–

"Kuasa menggantikan suatu thabitan di bawah peruntukan undang-undang yang lain dengan thabitan yang didapati oleh Majistret harus digunakan dengan hati-hati, dan hanya kalau jelas sehingga tiada apa-apa was-was, dari jenis kesalahan dan rekod keterangan dalam kes itu bahawa membuat demikian tidak akan menjejaskan kes tertuduh. Mestilah jelas sekiranya tuduhan gantian yang menjadi tuduhan asal tindakan dalam pembicaraan akan mengikut haluan yang sama, dan keterangan yang dicatitkan adalah sama – bahawa keterangan pendakwaan akan tidak berubah (dengan banyaknya) dan keterangan tertuduh adalah sama."

Hakim Cussen telah secara jelas membentangkan beberapa ujian yang mesti dipenuhi sebelum kuasa mengubah atau menggantikan boleh digunakan dan sebab-sebab untuk berhati-hati adalah jelas. Ianya boleh didapati dari apa yang akan kami katakan sebentar lagi.

Undang-Undang kita secara jelas membenarkan Hakim Mahkamah Tinggi dalam suatu rayuan terhadap thabitan mengubah suatu keputusan. Seksyen 316(b) memperuntukkan kuasa itu. Ini adalah secucuk dengan s. 26 Akta Mahkamah Kehakiman yang mengatakan bidang-kuasa rayuan jenayah Mahkamah Tinggi hendaklah meliputi mendengar rayuan dari Mahkamah Rendah mengikut mana mana undang-undang yang pada masa itu berkuatkuasa dalam kawasan bidangkuasa Mahkamah Tinggi itu. Beberapa peruntukan Kanun Acara Jenayah yang berbentuk umum ada kaitannya untuk tujuan pendengaran rayuan sedemikian. Seksyen 166 dan seksyen 167 Kanun Acara Jenayah ialah contoh peruntukan sedemikian. Dalam mendengar suatu rayuan dari suatu thabitan kuasa hakim untuk mengubah suatu keputusan mesti mengikut pandangan kami digunakan tertakluk kepada seksyen 166 dan seksyen 167 Kanun Acara Jenayah.

Kehendak seksyen 166 dan seksyen 167 Kanun Acara Jenayah mesti dipenuhi sebelum suatu Mahkamah Tinggi dalam menggunakan bidangkuasa rayuannya mengubah atau menggantikan suatu thabitan untuk suatu kesalahan yang lain. Jadi walaupun suatu Mahkamah rayuan mempunyai kuasa yang ianya boleh gunakan secara sah, adalah penting kuasa sedemikian digunakan dalam pembatasan undang-undang. Soalnya ialah setakat manakah dan di dalam keadaan manakah kuasa sedemikian boleh dipakai. Apa yang jelas dalam pemikiran kami ialah, dan kami menekankan, bahawa kuasa sedemikian mesti digunakan dalam keadaan terhad dan dengan hati-hati tertakluk kepada batasan yang dikenakan oleh s. 167 Kanun Acara Jenayah, dan ianya mesti dilakukan supaya tidak menjejaskan kes seorang tertuduh.

Mengikut pandangan kami kes *Ng Ee* telah diputuskan dengan betul dan untuk mengadakan suatu penggantian mesti ada keterangan jelas bahawa hujjah-hujjah untuk kesalahan gantian telah diadakan atau dibuktikan terhadap tertuduh dalam Mahkamah di bawah. Dengan lain perkataan sebelum sesuatu perubahan keputusan boleh diadakan Mahkamah rayuan mesti berpuashati bahawa sekiranya tuduhan gantian telah sebenarnya menjadi tuduhan asal tindakan dalam pembicaraan

akan mengikut haluan yang sama, dan keterangan yang dicatitkan adalah yang sama. Seterusnya, sekiranya tuduhan gantian adalah satu daripada tuduhan-tuduhan yang dikenakan terhadap tertuduh atau adalah suatu tuduhan pilihanlain keterangan pendakwaan akan mencukupi untuk memuaskan unsur-unsur yang menjadikan tuduhan itu dan keterangan tertuduh mesti telah tidak berubah secara banyak, iaitu pembelaan tertuduh adalah yang sama.

Kami segera memperhatikan bahawa kami tidak menyentuh persoalan pemindahan tuduhan oleh seorang hakim dalam rayuan. Jadi, kami anggap tidak perlu membincang kes *Yoong Yock Pin* lwn. *P.P.*[4] Berkenaan dengan ini kami tidak berpendapat seksyen 158 dan s. 162 Kanun Acara Jenayah yang telah dirujuk dalam persoalan sebagai berkaitan dengan penyelesaian persoalan ini. Seksyen 158 mengenai kuasa Mahkamah untuk mengubah atau menambah kepada mana-mana tuduhan pada bila-bila masa sebelum penghakiman diberi dan dengan itu tidak boleh pakai kepada isu yang ada pada kita yang pada asasnya berkaitan dengan dan mengenai persoalan kuasa Mahkamah Tinggi menggunakan bidangkuasa rayuannya. S. 162 ialah peruntukan berikutan mengenai pemanggilan-semula saksa-saksi setelah suatu pemindaan tuduhan diadakan.

Memandangkan begitu kami berpendapat bahawa walaupun suatu Mahkamah Tinggi ada kuasa dalam rayuan untuk mengubah atau menggantikan suatu keputusan, persoalan yang timbul di hadapan kami mesti dijawab secara negatif. Kami dapati Hakim yang arif telah tersilap dalam undang-undang apabila menggantikan suatu thabitan untuk tuduhan lain kerana secara jelas kes ini tidak terjatuh dalam pembatasan s. 166 dan s. 167 Kanun Acara Jenayah kita.

Pemohon dituduh dengan hanya satu kesalahan menipu di bawah s. 420. Untuk mendapatkan suatu thabitan di bawah s. 409 Kanun Keseksaan mesti ada keterangan yang ia telah melakukan kesalahan yang lain, iaitu di bawah s. 409. Undang-Undang adalah jelas. Adalah bahan-bahan perlu dalam suatu tuduhan di bawah s. 409 Kanun Keseksaan bahawa seorang tertuduh mestilah menjadi sama ada seorang penjawat awam, pegawai bank, peniaga, dan lain-lain dan bahawa dia mesti telah diamanahkan dengan harta dalam kedudukannya sebagai penjawat awam, pegawai bank, dan lain-lain yang sedemikian. Secara tepat ianya bermakna bahan-bahan yang perlu untuk membuktikan suatu kesalahan di bawah s. 409 Kanun Keseksaan adalah tidak sama dengan yang ada di bawah s. 420. Bahan-bahan ini telah tidak dibuktikan oleh pendakwaan untuk membuktikan suatu kes di bawah s 420 dan oleh kerana itu Yang di Pertua Mahkamah Sesyen tidak perlu mempertimbangkan sama ada elemen-elemen ini telah dipenuhi. Berdasarkan bahan yang ada di hadapan kami tidak ada apa-apa yang menunjukkan Hakim yang arif telah mempertimbangkan sama ada unsur-unsur ini telah dibuktikan.

Dalam penghakiman kami penggantian suatu thabitan di bawah s. 409 Kanun Keseksaan tidak boleh dikatakan telah berlaku secara sah memandangkan keadaan kes ini dan berdasarkan keterangan di hadapan Mahkamah Tinggi.

Dengan mengikut kes *Yoong Hock Pin* kami terpaksa bertindak lebih jauh dari menjawab persoalan undang-undang yang dikemukakan dengan memerintah thabitan yang digantikan oleh Hakim yang arif dan hukuman diketepikan, tanpa mengembalikan thabitan di bawah seksyen 420 Kanun Keseksaan.

JAYARAMAN DAN LAIN–LAIN lwn. PENDAKWA RAYA

[Mahkamah Persekutuan (Suffian K.H.N., Abdul Hamid H.P. dan Hakim Ajaib Singh H.) Jun 10 1982]

[Kuala Lumpur – Rujukan Jenayah Mahkamah Persekutuan No. 4 tahun 1981]

Undang–Undang dan Acara Jenayah – Tuduhan mematikan orang yang tidak terjumlah kepada pembunuhan – Apa yang menjadikan tangkapan – Kenyataan lisan yang dibuat oleh tertuduh sebelum tangkapannya kepada pegawai polis yang berpangkat Inspektor ke atas – Sama ada boleh diterima – Keterangan berkeadaan – Sama ada beban di atas pendakwaan lebih berat dari dalam kes keterangan secara langsung – Kanun Acara Jenayah, ss. 15, 112 dan 113.

Keterangan – Keterangan berkeadaan – Sama ada beban di atas pendakwaan lebih berat dari dalam kes keterangan secara langsung – Kenyataan yang dibuat oleh tertuduh kepada pegawai polis – Bila boleh diterima – Kanun Acara Jenayah, ss. 112 and 113.

Dalam kes ini perayu telah dithabitkan dengan kesalahan mematikan orang yang tidak terjumlah kepada pembunuhan dan dihukum penjara untuk pelbagai tempoh.

---

* Dialihbahasa dari [1982] 2 M.L.J. 306 oleh Puan Mimi Kamariah binti Abdul Majid LL.B. (Malaya) LL.M. (Monash) Pensyarah di Fakulti undang-undang, Universiti Malaya.